

15/06/2004

Pencalonan: 2 bahagian berkecuali

By Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR: Umno Bahagian Kepala Batas, Pulau Pinang dan Pekan, Pahang dijangka bersikap berkecuali dengan tidak membuat pencalonan untuk jawatan tertinggi termasuk Naib Presiden, pada pemilihan parti September ini.

Ini kerana sebarang pencalonan oleh kedua-dua bahagian berkenaan dikhuatiri mempengaruhi perwakilan pada pemilihan barisan kepemimpinan parti.

Umno Bahagian Kepala Batas diketuai Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang juga Pemangku Presiden Umno, manakala Naib Presiden Umno yang menjalankan tugas Timbalan Presiden, Datuk Seri Najib Razak, mengetuai bahagian Pekan.

Menurut sumber, pencalonan kedua-dua bahagian itu boleh ditafsirkan sebagai 'calon pilihan' Abdullah atau Najib.

Mesyuarat Umno bahagian Kepala Batas diadakan pada 17 Julai ini yang dijadual dirasmikan Abdullah manakala tarikh mesyuarat Umno Bahagian Pekan belum ditetapkan.

Persidangan bahagian diadakan dalam tempoh dua minggu antara 8 hingga 22 Julai selepas mesyuarat 19,232 cawangan yang bermula 1 Jun lalu, berakhir 30 Jun ini.

Perhimpunan Agung Umno 2004 yang turut membabitkan pemilihan pelbagai jawatan dalam parti pula diadakan tiga hari sehingga 25 September. Perhimpunan Pergerakan Wanita, Pemuda dan Puteri dijadual pada 22 September, sehari sebelum perhimpunan agung.

Pada pemilihan parti 2000, Umno Bahagian Kubang Pasu yang diketuai Presiden Umno ketika itu, Tun Dr Mahathir Mohamad, membuat pencalonan untuk tiga jawatan Naib Presiden dan kebetulan ketiga-tiganya menang.

Mereka ialah Datuk Seri Najib Razak, Tan Sri Muhammad Muhd Taib dan Tan Sri Muhyiddin Yassin yang mengulangi sejarah kemenangan 1993.

Walaupun Dr Mahathir mengambil sikap berkecuali, pencalonan itu dilihat sebagai 'restu' Umno Bahagian Kubang Pasu yang diketuai bekas Perdana Menteri.

Bahagian Kubang Pasu tidak membuat pencalonan pada pemilihan Umno 1993 dan 1996 untuk menunjukkan sikap berkecuali terhadap pertandingan merebut jawatan dalam parti.

Bagaimanapun, mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno pada tahun 2000 mengarahkan semua bahagian yang mengadakan mesyuarat perwakilan termasuk Kubang Pasu, membuat pencalonan penuh bagi mengisi semua jawatan utama dalam parti.

(END)